

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

02 HAYATI AL-QURAN SEPANJANG RAMADHAN

JUL

KUBANG KERIAN, 1 Julai 2015 - Al-Quran yang diturunkan pada bulan Ramadhan perlu dihayati, difahami dan dilaksanakan kandungannya untuk memartabatkan tamadun umat.

"Bertepatan dengan turunnya al-Qur'an di bulan Ramadhan, para ulama turut menamakan bulan ini sebagai bulan al-Qur'an. Bulan di mana umat Islam disunnahkan supaya menyibukkan diri dengan al-Qur'an iaitu menyibukkan diri dengan bertadurus atau mentadabburinya dan tadurus adalah merujuk kepada membaca, mengulangkaji, mengajar, atau menyemak bacaan Al-Qur'an," kata imam Masjid Al-Sultan Ismail Petra Ustaz Sabri Abdullah dalam ceramahnya yang bertajuk "Ramadhan Bulan Al-Quran" di sini hari ini.

Seramai 60 orang staf Universiti Sains Malaysia (USM) menyertai Program Ceramah Ramadhan tersebut di Kompleks Pentadbiran hari ini yang dianjurkan oleh Surau Kompleks Pentadbiran USM.

Menurut Pengerusi Surau Kompleks Pentadbiran Abdul Rahim Abdul Samad, Program Ramadhan memberi peluang kepada staf untuk menghayati bulan Ramadhan melalui pengisian ilmu.

Turut hadir ialah Timbalan Bendahari Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria dan beberapa orang pegawai lain.

Teks & Foto: Mohd Ridzuwan Ramly/Mohamad Hairol Rasli



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015